

07 OCT 1998

Mahathir-Pilihan raya

DR MAHATHIR TOLAK KEMUNGKINAN PILIHAN RAYA AWAL

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak kemungkinan pilihan raya umum diadakan lebih awal dan berkata bahawa kerajaan Barisan Nasional perlu memberi tumpuan kepada memulihkan ekonomi.

"Saya berpendapat tidak perlu untuk membahagikan tenaga kita yang terhad ini di antara menguruskan ekonomi dan mengadakan pilihan raya," katanya pada majlis penutupan Kongres Kebangsaan mengenai Pemulihan Ekonomi, di sini.

"Sekurang-kurangnya tidak dalam masa terdekat," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan seorang peserta kongres yang bertanya sama ada kerajaan akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kerajaan sekarang masih mendapat sokongan.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional, berkata tidak perlu untuk mengadakan pilihan raya umum sekarang kerana beliau percaya majoriti rakyat Malaysia masih menyokong BN.

"Walaupun bagaimanapun, untuk mengadakan pilihan raya umum adalah satu tugas yang berat. Kita memerlukan tumpuan yang sepenuhnya dan menguruskan ekonomi juga memerlukan perhatian yang sepenuhnya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata adalah agak sukar untuk menguruskan pilihan raya umum dan ekonomi negara pada masa yang sama.

Katanya, selain daripada segelintir kecil orang "yang hilang pekerjaan mereka dan sebagainya, umumnya mereka (rakyat) menyokong kita termasuk sektor perniagaan.

"Rakyat Malaysia agak senang hati, dan kesatuan sekerjapun bekerjasama dengan kita," kata Dr Mahathir.

"Oleh itu mengikut penilaian saya, rakyat masih menyokong kerajaan," katanya.

Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, berkata bahawa tidak ada kejadian anggota parti keluar beramai-ramai meninggalkan Umno dan parti-parti komponen BN.

Beliau berkata parti-parti komponen BN juga telah melahirkan sokongan padu mereka terhadap pucuk pimpinan sekarang.

"Oleh itu kami (kerajaan BN) masih kukuh," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan menimbang mengadakan pilihan raya umum lebih awal jika ada kejadian keluar beramai-ramai oleh parti-parti komponen BN.

Malaysia mengadakan pilihan raya umum setiap lima tahun dan pilihan raya umum yang terakhir diadakan pada 25 April 1995.

"Akan tetapi tidak ada kejadian anggota parti keluar beramai-ramai.

"Bagi rakyat pula, kita lihat tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan rakyat tidak menyokong kerajaan," kata Dr Mahathir.

Beliau memberi contoh Sukan Komanwel ke-16 pada bulan lepas yang melihat rakyat Malaysia memberi sokongan padu untuk menjayakan temasya sukan itu.

-- BERNAMA

ES RN AKD